



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA**

Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62592 Putrajaya  
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1000  
Faks : 603-8882 1042  
Laman Web : [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)

Ruj : ANM(T)81/20/8/15 Jld. 35 (54)  
Tarikh : 2 April 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK) JABATAN  
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa JANM akan mengadakan Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan pada **1 Ogos 2018 (Rabu)**. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah diharapkan agar dapat memaklumkan perkara ini secara menyeluruh kepada semua anggota di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan yang layak mendudukinya, termasuk anggota yang berkhidmat di agensi dan badan berkanun seliaan kementerian atau jabatan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

3. Berikut adalah syarat permohonan dan cara memohon peperiksaan BITK berkenaan:

**i. Pegawai Yang Layak Memohon**

- a. Pembantu Akauntan [PA]
- b. Pembantu Tadbir (Kewangan) [PT(Kew)]
- c. Anggota dalam skim berikut yang menjalankan tugas kewangan dan menerima BITK RM40.00 sebulan
  - Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi [PT(P/O)])
  - Skim Perkhidmatan lain yang setaraf dan yang lebih rendah dari PA, PT(Kew) dan PT(P/O)
- d. Anggota dalam Perkhidmatan Negeri dan Badan-Badan Berkanun yang ingin menduduki peperiksaan hendaklah mendapat persetujuan Pihak Berkuasa masing-masing terlebih dahulu.

ii. **Cara memohon**

- a. Permohonan untuk menduduki peperiksaan BITK ini hendaklah dibuat secara *online* dengan melayari laman sesawang JANM di [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)
- b. Semua calon hendaklah memastikan maklumat yang dikemukakan adalah benar. **Sekiranya maklumat yang diberikan didapati tidak benar, keputusan peperiksaan berkenaan akan terbatal.**
- c. **Nombor kad pengenalan, kod peperiksaan dan kod pusat peperiksaan dan alamat surat menyurat** diisi dengan **lengkap dan betul** sebelum butang *submit* diklik.
- d. Permohonan yang dibuat selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

iii. **Sukatan Peperiksaan**

- i. Sukatan peperiksaan yang telah diluluskan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Kewangan adalah seperti di **Lampiran**.

iv. **Tarikh Buka dan Tutup Permohonan**

- i. Tarikh **buka permohonan adalah pada 3 April 2018 (Rabu) dan akan ditutup pada 3 Mei 2018 (Khamis) pukul 5.00 petang.**
- ii. Sila cetak Slip Akuan Terimaan Permohonan dan simpan untuk rujukan.

4. Slip Arahan Calon yang mengandungi maklumat pusat, tarikh dan masa peperiksaan boleh dicetak melalui laman sesawang JANM **dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan**. Slip ini hendaklah dibawa bersama-sama semasa menghadiri peperiksaan berkenaan. **Sebarang perubahan pusat peperiksaan tidak akan dilayan.**

5. Pegawai yang telah membuat permohonan untuk menduduki peperiksaan tetapi **tidak hadir tanpa mengemukakan alasan bertulis yang munasabah, AKAN DIGANTUNG satu (1) sesi peperiksaan.**


6. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan boleh dikemukakan terus kepada Urus Setia Peperiksaan JANM di talian 03-88821183/ 1197/ 1185 atau melalui email di alamat [urus\\_pep@anm.gov.my](mailto:urus_pep@anm.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan"***

Saya yang menurut perintah,



**DATO' ZAMIMI BIN AWANG C.A.(M)**  
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)  
b.p Akauntan Negara Malaysia

- s.k:
- i. Semua Pengarah Bahagian JANM
  - ii. Semua Pengarah Negeri/Cawangan JANM
  - iii. Fail Timbul



**SUKATAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

---

- 1. Matlamat sukatan** : Untuk menentukan bahawa undang-undang dan peraturan mengenai kewangan dan perakaunan kerajaan difahami dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian. Pengetahuan ini penting bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengurusan kewangan kerajaan.
- 2. Tujuan peperiksaan** : Untuk membolehkan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) memiliki sijil bagi melayakkan mereka dibayar BITK RM80.00 sebulan.
- 3. Pegawai yang layak menduduki peperiksaan** : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan).
- 4. Sukatan peperiksaan** : Soalan-soalan yang akan ditanya kepada calon-calon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

  - i. Pengurusan dan Kawalan Belanjawan
  - ii. Pengurusan Amanah, Deposit dan Panjar
  - iii. Pengurusan Terimaan
  - iv. Pengurusan Perolehan Kerajaan
  - v. Pengurusan Bayaran Emolumen
  - vi. Pengurusan Pembayaran
  - vii. Pengurusan Akaun
  - viii. Pengurusan Aset
  - ix. Pengenalan kepada Perakaunan Akruan

- 5. Bahan rujukan** :
- i. Arahan Perbendaharaan
  - ii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Terkini (yang berkaitan dengan kewangan)
  - iii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan dengan gaji dan elaun
  - iv. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia terkini
  - v. Perintah Am Bab B (elaun-elaun) dan Bab G (waktu bekerja dan elaun lebih masa)
  - vi. Ruangan/ tab sumber rujukan di “Portal Perakaunan Akruan”  
(Portal tersebut boleh dilayari melalui Portal Rasmi JANM).
- 6. Format peperiksaan** :
- Bentuk soalan : Objektif (Aneka pilihan – merangkumi teori dan kajian kes)
- Jumlah Soalan : 40 (jawab semua soalan)
- Masa : 1 jam 30 minit
- Markah : 40
- Calon-calon tidak dibenarkan merujuk kepada apa-apa bahan rujukan semasa peperiksaan.
- 7. Keputusan** : LULUS / GAGAL
- 8. Bahasa** : Bahasa Malaysia  
(Soalan& Jawapan)

9. **Permohonan dikemukakan kepada** (secara dalam talian) : Urus Setia Peperiksaan JANM  
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
62594 Putrajaya  
  
Tel: 03- 8882 1183/ 1197/ 1185  
Emel: [urus\\_peg@anm.gov.my](mailto:urus_peg@anm.gov.my)  
  
Bagi permohonan daripada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah, Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan anggota berkenaan sedang menerima BITK RM40.00 sebulan di dalam permohonan.
10. **Kekerapan peperiksaan** : Sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.
11. **Tarikh akhir mengemukakan permohonan** : Tertakluk kepada takwim peperiksaan yang dikeluarkan dan ditetapkan oleh Urus Setia Peperiksaan JANM.
12. **Syarat-syarat lain** : Tertakluk kepada fasal 3 di atas, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang telah memiliki sijil Peperiksaan BITK tetapi tidak menerima BITK selama lima (5) tahun atau lebih secara berterusan, perlu menduduki semula dan memperolehi sijil peperiksaan ini dibayar BITK RM80.00 sebulan.